

Perhubungan Malaysia-British cerah: Perubahan yang dialu-alukan

"PERHUBUNGAN antara Malaysia dengan Britain nampaknya bertambah cerah sekarang. Ia sekarang diletakkan pada asas yang baharu," demikian diterangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kepada para wartawan Malaysia di London hari Jumaat kelmarin. Kenyataan ini dibuatnya setelah pertemuannya dengan Perdana Menteri Margaret Thatcher dan pembesar-pembesar British yang lain. Sudah tentu kita mengalu-alukan perubahan sikap British terhadap Malaysia kerana dasar kita ialah berbaik-baik sangka dengan sebarang negara tanpa memperhitungkan perbezaan sistem dan ideologi asal sahaja perhubungan itu didasarkan kepada rasa saling hormat menghormati kedaulatan dan kemerdekaan masing-masing. Dengan Britain, perhubungan kita selama ini agak istimewa kerana kita menjadi anggota Komanwel dan juga sebagai sifat kita menjadi bekas tanah ajahannya. Malangnya sikap Britain sebaliknya tidak memperhitungkan ciri-ciri istimewa di dalam perhubungannya dengan kita, keistimewaan yang diharuskan oleh keanggotaan kita di dalam Komanwel dan latar belakang sejarah hubungan itu.

Maka itu kita terpaksa lebih realistik mengendalikan perhubungan itu dalam erti kata bahawa di pihak kita pula, tidaklah sepatutnya hubungan tersebut mengandungi sebarang ciri istimewa. Kerana itulah dalam apa urusan sekalipun kepentingan Britain di Malaysia disamaratakan layanannya sebagaimana negara-negara lain. Tidak ada keistimewaan atau keutamaan harus diharapkan oleh Britain dalam hubungannya dengan kita.

Agak mendukacitakan juga bahawa Kerajaan British terpaksa dikejutkan untuk menyedari keretakan dalam perhubungannya dengan kita tetapi mujurlah juga Whitehall sendiri yang mengambil inisiatif untuk memperbaiki serta memulihkan semula perhubungan itu kepada keadaannya yang sedia kala.

Kenyataan Datuk Seri Dr. Mahathir hari Jumaat kelmarin yang menyambut perubahan sikap British terhadap kita adalah menunjukkan bahawa kita tidak menolak sebarang usaha untuk meletakkan semula asas perhubungannya dengan kita atas dasar saling memberi manfaat kepada kita bersama. Kesedaran Britain bahawa Malaysia telah merdeka dan berdaulat, dan mempunyai perspektifnya sendiri untuk membangun negara dan masyarakatnya, tidaklah terlalu lambat. Malah Malaysia memerlukan kerjasama Britain tidak sahaja sebagai sebuah negara yang telah menjalin perhubungan yang begitu lama dengan kita tetapi sebagai sebuah negara industri yang terkemuka, demi kepentingan membangun negara kita ke arah cita-cita kita pada masa hadapan.

Amatlah wajar bahawa perubahan sikap British seperti yang dijelaskan oleh Datuk Seri Dr. Mahathir itu disambut dengan tangan terbuka. Bagaimanapun, perubahan sikap British itu tentulah akan dikaji berdasarkan bahawa Malaysia berhak menentukan landasan perhubungan itu sebagai sifatnya sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Perhubungan itu harus saling menguntungkan, saling memanfaatkan kedua-dua negara, saling hormat menghormati kedaulatan masing-masing.

Malaysia berhak menentukan dasarnya sendiri. 'Dasar Pandang ke Timur' tidak akan berubah, tegas Datuk Seri Dr. Mahathir. Apa yang kita kehendaki dari kerajaan British dan kaum usahawannya yang berkepentingan di negara kita ialah memahami dan mengerti aspirasi kita untuk membangun ekonomi kita. Pelaburan asing dialu-alukan tetapi para pelabur harus mengerti juga bahawa pendekatan lama yang mengutamakan keuntungan semata-mata tanpa memperhitungkan aspirasi kita untuk menjadi sebuah negara industri, tidaklah dapat diterima lagi.

Keinginan untuk mengubah sikap harus disusul dengan tindakan-tindakan yang positif ditujukan kepada bidang-bidang yang akan memberi keuntungan bersama kepada Britain dan kepada kita.

Kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datuk Musa Hitam telah menunjukkan ketegasan sikap kita untuk menjunjung maruah dan harga diri kita sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

Kita menunggu sekarang bukti perubahan sikap dan dasar British terhadap kita.